



GARISPANDUAN BAGI PERJALANAN MASUK DAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UDARA – DARAT – LAUT

1. **PENGENALAN:**

- (a) Dokumen ini menghuraikan syarat-syarat bagi **perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam** melalui **udara, darat dan laut** yang berkuatkuasa pada **15 September 2022**.

2. **VISA:**

(a) **Perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam:**

Warganegara asing adalah dinasihatkan untuk memeriksa keperluan Visa sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini. Warganegara asing bolehlah merujuk laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MFA) bagi syarat-syarat Visa yang terkini: <https://www.mfa.gov.bn/Pages/Visa-Information.aspx>

(b) **Perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam:**

Individu adalah dinasihatkan untuk memeriksa keperluan Visa negara-negara yang dilawati sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam. Sila semak dengan ejen pelancongan, kedutaan asing atau rujuk kepada laman sesawang negara destinasi bagi syarat-syarat Visa yang terkini.

3. **PENGURANGAN SYARAT-SYARAT PERJALANAN**

- (a) Berikutan situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang stabil, **Negara Brunei Darussalam telahpun mengurangkan syarat-syarat perjalanan** seperti berikut:

(i) Ujian COVID-19 sebelum berlepas **tidak diperlukan**;

(ii) Individu **tidak diperlukan** untuk mendapatkan Kebenaran *Entry Travel Pass* dan *Exit approval*;

(iii) **Berkuatkuasa pada 15 September 2022:**

- Negara Brunei Darussalam **tidak mengenakan syarat vaksinasi** bagi perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam.
- Individu **tidak dikehendaki untuk melengkapkan Borang Deklarasi Ketibaan (ADF)** sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam.
- Individu belum lengkap divaksinasi **tidak diperlukan untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan**.

4. **PENELITIAN SYARAT-SYARAT PERJALANAN**

- (a) Penelitian dan pengemaskinian syarat-syarat perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam adalah tertakluk kepada penilaian risiko berterusan mengambil kira situasi COVID-19 yang berubah-ubah.



KEMASUKAN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NASIHAT AM PERJALANAN:

Individu-individu yang berhasrat untuk memasuki Negara Brunei Darussalam mesti mematuhi syarat-syarat kemasukan seperti lazimnya bagi memastikan perjalanan yang lancar.

A. INSURAN PERUBATAN PERJALANAN

- A.1 **Pelawat jangka pendek (Warganegara asing)** perlu memastikan mereka telah mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19, dengan perlindungan sekurang-kurangnya BND\$20,000. Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.

BERLEPAS DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NASIHAT AM PERJALANAN:

Individu-individu mesti mematuhi syarat-syarat kemasukan dan protokol kesihatan yang dikenakan oleh negara-negara yang dilawati dan syarat-syarat kemasukan semasa kembali ke Negara Brunei Darussalam.

Sila semak dengan Pihak-pihak berkuasa negara destinasi mengenai sebarang sekatan perjalanan dan syarat-syarat kemasukan yang dikenakan kepada individu-individu yang berlepas dari Negara Brunei Darussalam.

B. INSURAN PERUBATAN PERJALANAN

- B.1 **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam** yang berhasrat untuk membuat lawatan jangka pendek perlu memastikan mereka telah mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19, dengan perlindungan sekurang-kurangnya BND\$20,000. Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan di negara destinasi.

C. PENDAFTARAN E-REGISTER

- C.1 Bagi memudahkan perhubungan sekiranya bantuan diperlukan semasa kecemasan atau krisis, **rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam** perlu memastikan mereka mendaftar jadual perjalanan mereka melalui e-Register dalam laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri: <http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx>.

SYARAT-SYARAT PERJALANAN & MAKLUMAT LAIN

D. TRANSIT MELALUI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- D.1 Penumpang dibenarkan untuk membuat **perjalanan "transit/transfer" melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**. Penumpang "transit/transfer" yang berhasrat untuk menjalani pemeriksaan imigresen setelah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan mendaftar masuk semula ("check-in again") bagi penerbangan seterusnya ke negara destinasi, perlu memastikan mereka memenuhi syarat-syarat masuk dan keluar seperti lazimnya.
- D.2 **Perjalanan transit melalui darat dan laut** dari satu pos kawalan (semasa masuk) ke satu pos kawalan yang lain (semasa keluar) adalah dibenarkan dengan syarat ianya dilaksanakan **pada hari / tarikh yang sama** dan kesemua syarat-syarat perjalanan masuk/keluar dipatuhi, **kecuali** keperluan bagi mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan (Perenggan H.1).

E. BAYARAN MASUK DAN KELUAR (CAJ PERKHIDMATAN – CaP)

- E.1 Mana-mana individu yang hendak keluar dari atau masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki (*pedestrian*) akan dikenakan **Caj Perkhidmatan (kadar caj adalah sebanyak BND\$3.00 seorang bagi setiap satu hala perjalanan)**. Permohonan bolehlah dibuat melalui *Exit and Entry System* (EES): <https://login.bdns.gov.bn/ees>

F. KEBENARAN / SOKONGAN / PERMIT

- F.1 Individu/*Transport Operators* hendaklah mendapatkan **kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan**. Sila semak syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

G. PENDAFTARAN BAGI PENUNTUT PERSENDIRIAN

- G.1 **Penuntut persendirian (Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam)** yang akan memulakan pengajian di luar negara atau kembali ke negara pengajian perlu melengkapkan Borang Pendaftaran Kementerian Pendidikan secara dalam talian: bit.ly/pendaftaranprivatetestudent

H. PENGECUALIAN DARIPADA INSURAN PERUBATAN PERJALANAN

- H.1 Individu-individu yang **dikecualikan** daripada diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah seperti berikut:
- (a) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang kembali ke negara ini.
 - (b) Warganegara asing yang memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan.
 - (c) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan ke luar negara atas tujuan bertugas, melanjutkan pengajian, sebagai tanggungan atau mempunyai visa/pas imigresen jangka panjang di negara destinasi.
 - (d) Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan ke negara kerakyatan.
 - (e) Warga perkhidmatan awam yang membuat perjalanan rasmi yang ditanggung oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.
 - (f) Individu yang membuat perjalanan melalui darat & laut atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut, perjalanan transit dan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
 - (g) *Transport Operators*









SENARAI SEMAK PERJALANAN MASUK

Syarat-Syarat Perjalanan	KATEGORI PERJALANAN	
	RAKYAT DAN PENDUDUK TETAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	WARGANEGARA ASING
	-	 Insuran Perubatan Perubatan yang meliputi perlindungan COVID-19* bagi lawatan jangka pendek *Perlindungan minimum BND\$20,000
Lain-Lain (Yang berkenaan)	 Pasport yang sah  Visa / Visa Masuk Semula (Jika berkenaan)	 Bayar Caj Perkhidmatan (CaP) melalui Exit and Entry System (EES) bagi individu yang membuat perjalanan darat  https://login.bdnsw.gov.bn/ees

~ BERKUATKUASA PADA 15 SEPTEMBER 2022 ~

- ✗ Negara Brunei Darussalam tidak mengenakan syarat vaksinasi bagi perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam.
- ✗ Individu tidak dikehendaki untuk melengkapkan Borang Deklarasi Ketibaan (ADF) sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam.
- ✗ Individu belum lengkap divaksinasi tidak diperlukan untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan.

SENARAI SEMAK PERJALANAN KELUAR

Syarat-Syarat Perjalanan	KATEGORI PERJALANAN	
	RAKYAT DAN PENDUDUK TETAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	WARGANEGARA ASING
	 Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19* bagi lawatan jangka pendek *Perlindungan minimum BND\$20,000  Daftar Jadual Perjalanan melalui E-Register:  http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx	-
Lain-lain (Yang berkenaan)	 Pasport yang sah  Visa / Visa Masuk Semula (Jika berkenaan)	 Bayar Caj Perkhidmatan (CaP) melalui Exit and Entry System (EES) bagi individu yang membuat perjalanan darat  https://login.bdnsw.gov.bn/ees  Mematuhi syarat-syarat negara destinasi